

KERTAS MODEL PT3 (1)

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan dalam Bahagian D.

BAHAGIAN A [25 markah]

1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Kumpulan ini terdiri dari tiga orang peserta pelbagai bangsa.

(ii) Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak dari semasa ke masa untuk mengelakkan mereka terlibat dalam masalah sosial.

(iii) Mereka membantah cadangan yang dikemukakan oleh Said sebab cadangannya banyak membawa keburukan.

(iv) "Kita datang ke sini kerana hendak mengetahui punca masalah itu dengan lebih terperinci," kata wakil kumpulan wartawan itu kepada Encik Salim.

[8 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Para pelancung asing itu tertarik untuk mengetahui beberapa pantang larang yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu.

(ii) Kebanyakan hidupan liar akan pupus jika hutan yang menjadi habitat semula jadi hidupan itu diteroka dengan sewenang-wenangnya.

(iii) Sebahagian besar pengusaha kraftangan di negara ini tidak berupaya untuk menembusi pasaran antarabangsa.

[3 markah]